

Berleluasa di seluruh dunia

Metro 6/4/14. MS 6.

Oleh FIRDAUS SAHAT, MOHD
FIRDAUS IBRAHIM, SURAYA
ROSLAN dan MUHAAMAD
HAFIS NAWAWI
am@hmetro.com.my

Penggunaan pasport curi dan palsu turut berlaku di negara maju

Penggunaan pasport curi dan palsu yang berjaya melepasi kawalan Jabatan Imigresen di lapangan terbang untuk menaiki penerbangan antarabangsa seperti kes MH370 bukan saja berlaku di negara ini, malah berleluasa di seluruh dunia, termasuk di negara maju.

Bekas Pengarah Penguat Kuasa Jabatan Imigresen, Datuk Ishak Mohamed mendedahkan, kira-kira dua juta pasport curi dan palsu 'berterbangan' di merata tempat di seluruh dunia setiap hari.

Beliau berkata, pasport curi atau palsu itu bertukar tangan daripada sindiket melalui ejen kepada pembeli di seluruh dunia.

"Ini satu jumlah besar yang membabitkan rangkaian luas (sindiket)," katanya dalam temu-bual eksklusif bersama Metro Ahad di sini.

Sebelum ini, media Barat cuba membujuk burukkan nama Malaysia dengan



nya," katanya.

Menurutnya, seorang petugas imigresen di pintu

bit atau dicuri.

"Jumlah pelancong tahun lalu saja melebihi 32 juta orang berbanding hanya 11,000 ang-

narkan masuk ke negara ini," katanya menjelaskan, bagai mana dua warga Iran itu boleh meloloskan diri dan gagal dikesan.

Katanya, pihak imigresen memberi tumpuan lebih kepada individu yang masuk ke negara ini berbanding yang mahu keluar.

"Ini kerana kita tidak mahu membenarkan mereka terutama penjenayah atau penunggas, lolos. Sudah berapamamai (pelancong) dihalang imigresen untuk memasuki negara ini.

"Perkara ini berlaku kerana jabatan itu mempunyai maklumat awal mengenai kehadiran atau latar belakang mereka, selain kepakaran anggota dan pegawai terabit mengesan kesalahan dilakukan (pasport palsu atau curi).

"Dalam kes MH370, mereka tidak mempunyai maklumat awal, malah sistem sedia ada juga tidak menunjukkan sebarang masalah," katanya yang tidak menolak kemungkinan dua warga Iran itu menyediakan lebih daripada satu pasport dan akan digunakan jika berjaya sampai di Beijing sebelum ke Belanda dan seterusnya ke Jerman dan Denmark. Datuk Ishak Mohamed



menuduhnya antara negara yang dijadikan transit bagi penumpang penerbangan antara-bangsa yang menggunakan pasport curi dan palsu.

Ini berikutan kes penggunaan pasport curi oleh dua penumpang warga Iran dalam pesawat MH370 yang masih gagal dikesan sehingga kini selepas terputus hubungan dengan menara kawalan trafik udara dan hilang daripada radar pada awal pagi 8 Mac lalu.

Beliau berkata, rangkaian berkenaan membabitkan kumpulan tertentu di seluruh dunia dan sentiasa menukar modus operandi bagi mengelirukan pihak berkuasa.

“Di Malaysia, antara negeri tumpuan sindiket beroperasi adalah di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor. Jika tanpa pembabitn rakyat tempatan, sindiket akan menempatkan ejennya di negara ini bagi memudahkan proses jual beli,” katanya sambil menambah, sindiket sering bertukar lokasi bagi mengelak operasi mereka dikesan.

Ishak yang menerajui Bahagian Penguat kuasa Jabatan Imigresen selama lapan tahun iaitu dari 2001 hingga 2009 berkata, dalam kes MH370, pegawai atau kaki-

tangan imigresen bertugas yang memeriksa dua warga Iran terbabit melakukan segala termampu dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

“Untuk makluman semua, harga pasport curi yang dijual ada kalanya mencecah ASS10,000 (RM32,000). Kenapa ia (pasport) mahal? Kerana sindiket perlu mencari pemilik sebenar pasport yang memiliki wajah seiras dengan pembeli.

“Mereka (sindiket) kemudian menggunakan komputer canggih yang mempunyai perisian tertentu untuk menukar gambar dan ketinggian tanpa mengubah data asal pemilik sebaik menerima tempahan daripada pembeli.

“Ini tentu menyukarkan pegawai atau anggota imigresen untuk mengesan sama ada mereka menggunakan pasport betul atau sebaliknya

“Harga pasport curi yang dijual ada kalanya mencecah ASS10,000 (RM32,000). Kenapa ia (pasport) mahal? Kerana sindiket perlu mencari pemilik sebenar pasport yang memiliki wajah seiras dengan pembeli”

Datuk Ishak Mohamed

pula hanya memiliki masa terhad untuk melakukan semakan terhadap seseorang pelancong yang datang.

“Waktu saya menerajui (imigresen) sebelum ini, pegawai dan anggota bertugas hanya mempunyai masa 10 minit untuk memeriksa keseluruhan pesawat yang membawa antara 200 hingga 400 penumpang.

“Cuba bayangkan, tanpa bantuan dan maklumat awal serta kecanggihan sistem pemeriksaan, bagaimana mereka mampu mengesan sama ada pasport itu benar-benar milik pelancong terba-

masuk negara seperti di lapangan terbang

gota dan pegawai sedia ada. Lagipun, bukan semuanya (imigresen) bertugas di lapangan masuk.

“Kita andaikan 6,000 petugas, dalam masa setahun, tidak keterlaluan secara kasarnya saya mengatakan mereka (anggota dan pegawai imigresen) memeriksa lebih satu juta pelancong tiap seorang.

“Jadi, apa dilakukan mereka adalah mengimbas pasport menggunakan peralatan tertentu sebelum melihat wajah individu terbabit dan membandingkannya dengan gambar di dalam pasport.

“Seterusnya, memeriksa ketinggian dan gaya rambut. Jika muka mereka iras dan sistem itu tidak menunjukkan sebarang gangguan individu diben-





Kerja mudah, gaji menarik

Kuala Lumpur: "Saya pernah melihat pelbagai bangsa dan warga negara yang bekerjasama dengan sindiket ini. Tidak mustahil ia membabitkan sindiket antarabangsa. Lagipun, saya juga pernah berurusan dengan ramai pemegang pasport palsu dari pelbagai negara.

"Asalkan ada permintaan, pasti akan ada pasport palsu. Tidak salah saya andaikan ada berpuluh-puluh permintaan pasport palsu setiap hari. Sekarang, pasti jumlahnya lebih tinggi," kata seorang bekas ahli sindiket pemalsuan pasport antarabangsa.

Dia yang hanya mahu dikenali sebagai Arif, 33, berkata, bayaran sebanyak RM5,000 hingga RM15,000 dikenakan untuk sesiapa saja yang ingin mendapatkan pasport palsu daripada sindiket.

"Kebiasaannya, mereka yang mendapatkan pasport palsu ini adalah pendatang tanpa izin, warga negara asing seperti dari benua Afrika, Iran dan China," kata Arif. Beliau ditemui di

sangat tinggi.

"Kebanyakan pelanggan adalah warga negara asing. Jarang sekali warga negara ini cuba mendapatkan pasport palsu kecuali jika mereka penjenayah.

"Kebiasaannya, proses membuat pasport palsu ini memakan masa selama dua minggu hingga sebulan," katanya yang kini insaf selepas ditahan pihak berkuasa pada 2009.

Menurut Alif, selepas pelanggan memberi maklumat peribadi mereka dan membayar wang pendahuluan kepada ketua sindiket, proses 'mencari' dan membuat pasport palsu dimulakan.

"Pasport palsu hampir sama dengan pasport sah. Cuma, pembawanya bukan individu di dalam pasport terbabit. Kebanyakannya memilih wajah hampir sama dengan pemilik pasport berkenaan kerana tidak mahu mengubah isi kandungan.

"Yang saya tahu, jika isi kandungan pasport diubah terlalu banyak, ia mudah dikesan pihak imigresen dan pemegang pasport palsu itu mudah ditahan," katanya.

tugasnya hanya mencari pelanggan dan bukan membuat pasport berkenaan.

"Saya hanya ditugaskan mencari pelanggan yang mahukan pasport palsu. Mereka biasanya pendatang asing yang mahu berhijrah keluar negara tetapi tidak mempunyai dokumen.

"Dengan upah RM800 untuk satu kepala, saya akan mencari mereka yang mahu membuat pasport palsu dan memberi maklumat itu kepada sindiket.

"Kemudian bila ia siap, saya akan mengambil pasport terbabit dan memberikannya kepada pelanggan. Saya tidak tahu proses tepat membuat pasport ini dan di manakah mereka membuatnya.

"Setahu saya, mereka yang membuat pasport ini mahir dengan penggunaan komputer dan tempat membuat pasport sentiasa berubah-ubah bagi mengelak kegiatan mereka dikesan pihak berkuasa," katanya.

167 negara alami kecurian, hilang

Kuala Lumpur: Pangkalan Data Dokumen Perjalanan Hilang (SLTD) Polis Antarabangsa (INTERPOL) me-

REKOD PASPORT HILANG/CURI INTERPOL	
Rekod	Negara

rabangsa (INTERPOL) menunjukkan jumlah pasport hilang atau dicuri mencecah 40,354,232 sehingga Mac tahun ini membabitkan 167 negara di seluruh dunia.

Bagi tahun lalu pula, angka pasport hilang yang berada dalam data SLTD sebanyak 39,519,010 di mana ia hilang atau dicuri di 166 negara di seluruh dunia.

SLTD bagi 2012 pula merekodkan jumlah kehilangan sebanyak 35,320,073 membabitkan jumlah negara sama dengan tahun lalu.

Pangkalan data ini bagi 2011 pula merekodkan jumlah kehilangan atau kecurian di 161 negara dengan jumlah direkodkan sebanyak 31, 257, 849.

Pada 2010 pula, sebanyak 23,985,965 membabitkan 154 negara, 2009 (19,857,921 di 147 negara), 2008 (16,706, 281 di 145 negara), 2007 (13,921,191 di 133 negara), 2006 (13,297,631 di 121 negara), 2005 (8,954,461 di 91 negara) 2004 (5,667,505 di 65 negara), 2003 (299,264 di 35 negara) 2002 (3,900 di 10 negara).

Pangkalan SLTD yang diwujudkan sejak 2002 membolehkan INTERPOL, pihak berkuasa, pegawai imigresen di seluruh dunia membantu menentukan kesahihan dokumen perjalanan dalam

Tahun	Jumlah Pasport Hilang/Dicuri	Negara
2014 (Mac)	40,354,232	167
2013	39,519,010	166
2012	35,320,073	166
2011	31,257,849	161
2010	23,985,965	154
2009	19,857,921	147
2008	16,706,281	145
2007	13,921,191	133
2006	13,297,631	121
2005	8,954,461	91
2004	5,667,505	65
2003	299,264	35
2002	3,900	10

masa singkat.

SLTD mula diwujudkan selepas serangan penganas 11 September 2001 di Amerika Syarikat sebelum ia diperluaskan untuk membantu negara anggota sempadan dan melindungi warga negara mereka daripada penganas dan penjenayah berbahaya yang menggunakan dokumen perjalanan palsu.



kata ketika ditemui Metro Ahad di sini.

Menurut Alif, dia bekerja dengan sindiket terbabit yang berpangkalan di Johor Bahru pada 2008 ketika berusia 27 tahun.

Katanya, desakan hidup dan tiada tawaran kerja membuatnya terikut-ikut ajakan kawan untuk mendapatkan wang mudah dengan menjadi ejen sindiket itu.

"Gaji diberi sangat baik, malah kerjanya juga tidak susah. Namun, kami perlu pandai menyembunyikan identiti dan pekerjaan ini daripada pihak berkuasa. Ketika itu, permintaan mendapatkan pasport palsu

mudah ditangkap," katanya.

Alif memberitahu, ketika bekerja dengan sindiket terbabit,

"Asalkan ada permintaan, pasti akan ada pasport palsu. Tidak salah saya andaikan ada berpuluh-puluh permintaan pasport palsu setiap hari. Sekarang, pasti jumlahnya lebih tinggi"

Arif

